



Syarat Permohonan Pungutan Sumbangan eKhairat

Berikut adalah Polisi yang perlu diambil kira di dalam prosedur ini:

- Setiap permohonan hendaklah secara atas talian melalui sistem e-khairat MAIS (rujuk manual pengguna).
- Hanya permohonan yang tidak melebihi RM 2.0 juta sahaja diterima bagi permohonan e-khairat MAIS.
- Hanya permohonan yang lengkap dan menepati terma-terma yang ditetapkan sahaja yang akan diproses untuk kelulusan. Permohonan yang lengkap meliputi terma dan syarat-syarat yang ditetapkan berpandu kepada permohonan agensi yang terlibat meliputi:
 - **Syarat Umum:**
 - Warganegara Malaysia.
 - Berumur 18 tahun ke atas.
 - Setiap permohonan hendaklah dibuat oleh agensi/institusi/pertubuhan yang berdaftar dengan pihak berkuasa.
 - Pemohon/penama yang dinyatakan hendaklah tidak pernah disabitkan dengan apa-apa kesalahan jenayah.
 - Kelulusan adalah berdasarkan kepada pertimbangan Setiausaha MAIS atau wakil/pegawai yang diberikuasa berdasarkan dokumen yang dikemukakan.
 - **Syarat Khusus:**
 - Tidak dibenarkan membuat pungutan khairat di tempat-tempat awam, rumah ke rumah, pusat-pusat membeli belah, pasar-pasar malam, restoran dan sebagainya.
 - Kutipan hendaklah dipohon terus kepada individu-individu tertentu yang berminat untuk menderma contohnya tokoh-tokoh korporat, pejabat-pejabat kerajaan atau swasta.
 - Membelanjakan wang pungutan khairat hanya mengikut tujuan asal surat kebenaran dikeluarkan.
 - Menunjukkan segala potongan resit/kupon, akaun dan baucer untuk diperiksa dan diaudit oleh pihak MAIS apabila dikehendaki.
 - Hanya individu yang diberi kebenaran sahaja yang dibenarkan membuat pungutan khairat.
 - Menyediakan laporan pendapatan dan perbelanjaan pungutan khairat kepada pihak MAIS apabila diminta.
- Pemohon hendaklah memuatnaik dokumen-dokumen sokongan berikut mengikut kategori permohonan ke dalam sistem e-khairat MAIS seperti berikut:
 - Surat permohonan rasmi kebenaran membuat pungutan khairat.
 - Sijil/maklumat pendaftaran sekolah/pertubuhan/agensi/jabatan.
 - Salinan Perlembagaan pertubuhan (jika berkaitan).

- Kelulusan pembinaan/pengubahsuaian daripada PBT/JKR (jika berkaitan).
- Pelan yang telah diluluskan (jika berkaitan).
- Hakmilik tanah (jika berkaitan).
- Surat kebenaran pemilik tanah jika bukan didaftarkan atas nama MAIS (jika berkaitan).
- Penyata bank terkini.
- Surat kebenaran membina sekolah/masjid/surau daripada JAIS atau PPD (jika berkaitan).
- Salinan buku resit/kupon pungutan khairat.
- Salinan kad pengenalan dan gambar berukuran pasport setiap pemungut.
- Setiap permohonan yang diterima dari luar negeri Selangor hendaklah mendapat surat pengesahan daripada Majlis Agama Islam Negeri masing-masing berkaitan keperluan seperti yang dinyatakan di dalam surat permohonan.
- Bayaran permohonan pungutan khairat yang dikenakan adalah sebanyak RM 50.00 bagi permohonan baru dan RM 30.00 untuk lanjutan tempoh kebenaran.
- Tempoh permohonan yang diluluskan untuk permohonan kali pertama adalah selama satu (1) tahun untuk permohonan baru dan enam (6) bulan bagi permohonan lanjutan.
- Setiap aduan mengenai aktiviti Pungutan Khairat tanpa kebenaran hendaklah diadu kepada Bahagian Penguatkuasaan, JAIS dengan kadar segera.

Permohonan Lanjutan

- Setiap permohonan hendaklah diisi secara atas talian menggunakan sistem e-khairat MAIS (rujuk manual pengguna).
- Setiap permohonan hendaklah dibuat dalam tempoh 30 hari sebelum tamat tempoh kebenaran terdahulu.
- Senarai dokumen yang perlu dimuatnaik ke aplikasi sistem e-khairat MAIS adalah seperti berikut:
 - Surat permohonan lanjutan.
 - Salinan penyata bank.
 - Penyata penerimaan dan perbelanjaan terkini.
 - Salinan kad pengenalan dan gambar pemungut (jika ada pertambahan atau pindaan).

Tindakan Setelah Kebenaran Memungut Diperolehi

- Kebenaran ini hanya diberikan kepada pemungut-pemungut yang tercatat dalam surat kebenaran pungutan khairat sahaja.
- Pemohon hendaklah menyimpan rekod kewangan pungutan khairat dan rekod perbelanjaan dengan telus.
- Pihak Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) berhak pada bila-bila masa untuk meminta apabila dituntut, mengemukakan potongan resit dan semua akaun dan baucer yang sepatutnya untuk pemeriksaan oleh pihak Audit MAIS.
- Sekiranya wang pungutan khairat telah mencapai maksud atau perbelanjaannya, mengikut terma-terma kebenaran itu, atau jika tiada cara untuk melupuskan wang itu maka lebihan wang pungutan khairat hendaklah diserahkan kepada Baitulmal.
- Laporan kebenaran Pungutan Khairat hendaklah dibentangkan ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Baitulmal, MAIS sekurang-kurangnya setahun sekali.

Penguatkuasaan

- MAIS boleh pada bila-bila masa menguatkuasakan undang-undang yang diperuntukkan di bawah Seksyen 106 (5), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

- MAIS juga boleh menguatkuasakan peraturan-peraturan yang perlu sebagaimana diperuntukkan dalam Seksyen 122 (2) subseksyen (b) dan (e), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.
- Mana-mana pemohon yang melanggar peraturan dan terma-terma yang telah dikuatkuasakan maka MAIS bolehlah:
 - Mengeluarkan surat tunjuk sebab dan surat peringatan kepada pemohon yang melanggar peraturan dan syarat Pungutan Khairat MAIS.
 - Menarik balik kelulusan pemberian kuasa memungut Pungutan Khairat serta merta.
 - Mengenakan tindakan undang-undang dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.